

Butiran rahsia didedah

Kerajaan beri fakta lengkap kepada rakyat kenapa batal projek

KUALA LUMPUR: Kerajaan mengklasifikasikan semula beberapa dokumen rahsia yang relevan dan petikan daripadanya, bagi membolehkan rakyat memahami kenapa Kabinet mengambil keputusan membatalkan projek jambatan bagi menggantikan Tambak Johor.

Dokumen itu didedahkan bagi memberi jawapan terhadap beberapa dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, iaitu:

- Kerajaan Singapura menerima cadangan Malaysia untuk membina sebuah jambatan bengkok.
- Jambatan berkenaan bukan sebahagian daripada pakej tertunggak isu dua hala.

- Malaysia adalah negara lemah dan tidak mempunyai keberanian (half past six with no guts) dengan tidak meneruskan projek jambatan bengkok.

- Ketika di meja rundingan, Malaysia yang mengemukakan isu penjualan pasir dan kebenaran untuk Tentera Udara Republik Singapura (RSAF) menggunakan ruang udara negara ini.

Kenyataan Jabatan Perdana Menteri semalam berkata, ini adalah kali kedua dalam sejarah negara maklumat yang dilindungi di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 diklasifikasikan semula dan diluluskan untuk tatapan masyarakat awam.

"Langkah ini bukti jelas betapa

seriusnya kerajaan ingin memberi fakta lengkap kepada rakyat agar mereka dapat memahami mengapa kerajaan membuat keputusan membatalkan projek jambatan berkenaan.

"Di dalam pakej dokumen yang dikeluarkan ini adalah segala surat-menyurat yang dibuat antara Dr Mahathir dengan dua bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew dan

Goh Chok Tong," kata kenyataan itu.

Petikan daripada rekod mesyuarat antara Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Goh (ketika itu Menteri Kanan Singapura) di Putrajaya pada 1 Mac 2005, juga akan dikeluarkan untuk tatapan umum.

Berita Harian difahamkan, kerajaan akan mengedarkan dokumen rasmi kepada orang ramai hari ini.